

25/08/2003

'Cari persamaan bukan perbezaan'

GEORGETOWN: Pengerusi MCA Pulau Pinang, Datuk Wong Kam Hoong berharap semua peringkat ahli MCA dan Gerakan negeri itu melupakan persengketaan dan meningkatkan perpaduan serta kerjasama bagi menghadapi pilihan raya.

"Yang lalu elok dibiarkan berlalu kerana yang penting sekarang ialah perpaduan yang bakal menentukan nasib kita pada masa depan," katanya semalam mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung krisis parti itu dengan Gerakan, yang diibaratkan sebagai 'abang, adik' di Pulau Pinang.

Terdahulu, Wong yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, menutup Peraduan Melukis dan Mewarna Jalur Gemilang anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) dan Persatuan Teong Guan Pulau Pinang di Prangin Mall di sini.

Wong berkata, tidak ada gunanya jika kedua-dua pihak yang bertelagah asyik memandang ke belakang dan memperbesarkan perbezaan pendapat.

"Kedua-dua pihak perlu cari persamaan, bukan perbezaan.

"Jika masing-masing mahu menegakkan benang basah, sukarlah untuk memperkukuhkan hubungan dan mewujudkan Barisan Nasional (BN) yang lebih berjaya pada masa depan.

"Sikap tolak ansur amat diperlukan dalam menghadapi perkara ini kerana jika dibiarkan ia mungkin menjejaskan prestasi BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Wong turut bersetuju dan menyokong penuh kenyataan Dr Mahathir bahawa BN akan menang besar pada pilihan raya umum akan datang, jika Gerakan dan MCA negeri ini bekerjasama sepenuhnya.

"Kata Dr Mahathir, jika kita mahukan kejayaan yang cemerlang itu, kita perlu bertolak ansur kerana yang penting adalah masa depan. Kalau hubungan tidak baik, kita perlu eratkannya dari sekarang," kata.

Bagaimanapun, beliau berkata, seperti mana lazim dalam pilihan raya umum, setiap parti komponen mahu peruntukan kerusi yang lebih.

Katanya, kali ini timbul masalah berkaitan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas dan DUN Datuk Keramat setelah Ahli Dewan Undangan Negerinya (Adun) mengambil keputusan untuk menyertai MCA selepas memenangi kerusi masing-masing atas tiket Gerakan.